

## IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
- Kementerian/ Jabatan : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- KumpulanPerkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- Klasifikasi Perkhidmatan : Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan

2. (b) Jadual Gaji

### **Gred**

### **Jadual Gaji Matriks**

**Gred DH29** : P1T1 RM1405.71 - P1T23 RM3036.21

**Gred DH41** : P1T1 RM1695.85 - P1T27 RM4645.85

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

3. **Syarat Lantikan**

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

### **Kelayakan Untuk Lantikan Terus Ke Gred DH29**

(c) (i) diploma dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau maktab-maktab perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29:P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29:P1T2); atau

- (iii) diploma dalam bidang pertanian/ kejuruteraan/ senibina/ ukur bahan/ ukur tanah/ ukur bangunan/ seni bina landskap/ perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29:P1T3).

[Calon-calon di perenggan c (ii), (iii), yang memiliki Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau maktab-maktab perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan dibayar satu tangga gaji lebih tinggi daripada gaji yang ditetapkan].

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Kelayakan Untuk Lantikan Terus Ke Gred DH41**

- (e) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dengan pendidikan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T4); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T4); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T4); atau
- (v) Ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan/ ukur bahan/ ukur tanah/ ukur bangunan/ seni bina landskap/ perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T5); atau
- (vi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T7); atau
- (vii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T9; bagi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan:P1T10; dan Ahli Penuh

Institut Akauntan Malaysia: P1T11);  
atau

(viii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T8); atau

(ix) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:P1T11).

[Calon-calon di atas yang memiliki Diploma Pendidikan hendaklah dibayar satu tangga gaji lebih tinggi daripada gaji yang ditetapkan]

dan (f) Keujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **Taraf Jawatan** : Tetap
5. **Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Perkhidmatan** : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. **Fungsi Bidang Tugas** : Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan profesional meliputi aspek-aspek dan aktiviti-aktiviti seperti berikut
- (a) pengurusan pelajar;
  - (b) pengurusan organisasi;

- (c) pengurusan dasar;
- (d) penyelidikan, pengkomersilan dan khidmat nasihat;
- (e) jaringan dan kolaborasi; dan
- (f) pengurusan sumber manusia.

7. **Tarikh Tutup Permohonan** : 5 April 2012